

# GPO-L-ONE TABLET®

Deferiprone (500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GPO-L-One
2. Bagaimana GPO-L-One berfungsi
3. Sebelum menggunakan GPO-L-One
4. Cara menggunakan GPO-L-One
5. Semasa menggunakan GPO-L-One
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GPO-L-One
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan GPO-L-One

GPO-L-One digunakan untuk merawat kelebihan zat besi yang disebabkan oleh pemindahan darah yang kerap dalam kalangan individu yang mempunyai *thalassemia major* (sejenis penyakit darah).

## Bagaimana GPO-L-One berfungsi

GPO-L-One mengandungi bahan aktif deferiprone. Ia berfungsi untuk menyingkirkan zat besi yang berlebihan daripada badan.

## Sebelum menggunakan GPO-L-One

### - Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan GPO-L-One sekiranya anda:

- Mempunyai alahan terhadap bahan aktif deferiprone atau bahan-bahan lain dalam formulasi ini.
- Pernah mengalami kekurangan sel-sel darah putih
- Mengandung atau menyusui bayi

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

## Sebelum mula menggunakan GPO-L-One

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda alah terhadap:

- Bahan-bahan lain, termasuk makanan, pengawet atau pewarna.

Harap dimaklumkan bahawa mungkin terdapat perubahan warna air kencing ketika mengambil ubat ini.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengalami masalah kesihatan, terutamanya:

- Masalah ginjal
- Masalah hati

- HIV positif atau masalah kelemahan sistem imun
- Paras besi yang rendah

Doktor anda akan meminta anda datang untuk ujian dan pemantauan zat besi. Ujian biopsi hati juga akan dijalankan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan GPO-L-One. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- Antacid dengan kandungan aluminium (ubat untuk melegakan pedih hati atau ketidakhadaman yang disebabkan oleh asid perut yang berlebihan)
- Ubat yang boleh menyebabkan kekurangan sel-sel darah putih
- Vitamin C

### Semasa mengandung dan menyusui bayi

Rujuk kepada doktor anda sebelum anda mula menggunakan GPO-L-One sekiranya anda sedang menghamil, bercadang untuk menghamil, sedang menyusui atau ingin menyusui bayi. Doktor anda akan mengimbangkan risiko dan kebaikan pengambilan ubat ini.

## Cara menggunakan GPO-L-One

Sentiasa ambil GPO-L-One sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, rujuklah kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

- Dewasa dan Kanak-kanak melebihi 6 tahun  
Ambil 75mg/kg berat badan sehari dalam 2 atau 4 dos yang berasingan.

Dos ini boleh dilaraskan sehingga 100mg/kg berat badan sehari dalam dos yang berasingan.

Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 100mg/kg.

Sila rujuk kepada doktor untuk dos tepat yang perlu digunakan.

### - Bila perlu digunakan

Ambil GPO-L-One pada masa yang sama setiap hari. Tablet ini perlu diambil secara

oral dan sebaik-baiknya ambil tablet dengan makanan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos anda dengan segera apabila anda ingat dan teruskan pengambilan GPO-L-One seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda terlupa.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa telah mengambil ubat ini secara berlebihan, anda hendaklah segera pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat biji yang selebihnya dengan anda.

Antara simptom terlebih dos adalah gangguan neurologi seperti gegaran, pergerakan mata yang tidak terkawal, ucapan atau pemikiran menjadi perlahan, masalah dengan pergerakan koordinasi.

## Semasa menggunakan GPO-L-One

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil GPO-L-One mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya pada kebelakangan ini anda ada ambil sebarang ubat, termasuk ubat tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil GPO-L-One.
- Dapatkan nasihat daripada doktor jika anda sedang menghamil atau bercadang untuk menghamil.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil GPO-L-One tanpa kebenaran doktor anda.
- Jangan guna GPO-L-One yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak dan botol.

• Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin, sehingga anda tahu bagaimana ubat ini mempengaruhi keadaan anda.

GPO-L-One mungkin menyebabkan pening atau sakit kepala. Sekiranya anda mengalami simptom-simptom tersebut, jangan memandu kereta, mengendalikan mesin, atau melakukan perkara yang mungkin membahayakan anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat mempunyai kesan sampingan, GPO-L-One mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi, bukan setiap individu akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan serius adalah bilangan sel-sel darah putih yang sangat rendah. Laporkan dengan segera kepada doktor anda sebarang gejala jangkitan seperti: demam, sakit tekak atau selesema.

Kesan-kesan sampingan umum:

Sakit perut, loya, muntah, cirit-birit, peningkatan selera makan, sakit kepala, lesu, selesema, bengkak, penurunan bilangan sel-sel darah putih, sakit sendi, peningkatan enzim hati serum.

Kesan-kesan sampingan jarang:

Demam, jangkitan bakteria, ketidakselesaan, kekurangan mineral, pembentukan sista, pening, mengantuk, kekurangan aktiviti otot, pekak, sakit telinga, sakit tekak, sakit hati, penyakit kuning, hati bengkak, hepatitis, kelebihan gas, keradangan perut, reaksi kulit (ruam, kegatalan, kemerahan), sakit tulang, sakit otot, kekejangan kaki, keradangan buku jari, kehilangan haid, kencing kerap

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mendapati kesan-kesan sampingan lain yang menyebabkan anda tidak sihat. Seseengah pesakit mungkin mengalami kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public ->

*Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety)*

**Cara penyimpanan dan pelupusan GPO-L-One**

- Penyimpanan

Simpan ubat dalam bungkusan asal. Simpan di tempat sejuk dan kering, bawah 30°C. Jauhi daripada haba, cahaya dan kelembapan yang berlebihan.

Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

GPO-L-One adalah tablet bujur cembung, berwarna hijau gelap dengan garis pembelahan pada satu permukaan yang ditanda dengan "DFP" dan "500" pada satu permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif  
Setiap tablet mengandungi 500mg Deferiprone.

- Bahan tidak aktif  
Cellulose microcrystalline, silicified microcrystalline cellulose, colloidal silicon dioxide, croscarmellose sodium, magnesium stearate, talcum USP, PEG 6000/Macrogol 6000, titanium dioxide, hydroxypropyl methylcellulose E5, hydroxypropyl methylcellulose E15, copper chlorophyllin.

- Bungkusan

100 biji dalam botol HDPE.

- Nombor MAL:

MAL12015002AZ

**Pengilang**

The Government Pharmaceutical Organization (GPO)  
75/1 Rama 6 Road, Rajtevi,  
Bangkok 10400, Thailand.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.  
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

08/12/2017

**Nombor siri**

NPRA(R4/1)081217/00348